

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING
[STAMPIN]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah syarikat yang bertanggungjawab mengendalikan kemudahan asas seperti tandas di Sarawak General Hospital. Senaraikan secara terperinci syarikat-syarikat yang terlibat, tanggungjawab mereka serta kos yang dibayar. Bermula dari tahun 2005 sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Pengendalian kemudahan asas seperti tandas di semua hospital Kerajaan merupakan salah satu skop perkhidmatan Cleansing Services (CLS) di bawah program Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH). Untuk Sarawak General Hospital, perkhidmatan tersebut telah dilaksanakan oleh syarikat Faber Mediserve Sdn. Bhd. dari tahun 1999 sehingga 2015. Walaubagaimanapun, di bawah Kontrak Penswastaan PSH yang baru kerja-kerja penyelenggaraan kemudahan asas seperti tandas dilaksanakan oleh syarikat tempatan iaitu One Medicare Sdn. Bhd.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak syarikat perlu memastikan kemudahan asas seperti tandas diselenggara dengan baik dan terjamin kebersihannya. Selain daripada itu, syarikat juga perlu menyediakan bahan pakai buang seperti *hand paper towel* yang mencukupi. Untuk kekerapan pencucian pula, minima adalah 6 kali sehari dan mengikut keperluan hospital yang telah dipersetujui oleh hospital terbabit.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembayaran yuran bagi kerja-kerja pengendalian kemudahan asas seperti tandas adalah berdasarkan keluasan sebagaimana di dalam perkhidmatan pembersihan . Kerajaan telah menetapkan kadar yuran bagi perkhidmatan pembersihan di Sarawak General Hospital adalah **RM 54.35 /m²/tahun.**